



ELEMEN KREATIVITI DALAM PAK-21: TEORI DAN FAKTOR MEMPENGARUHINYA

*CREATIVITY ELEMENT IN 21ST CENTURY LEARNING: THEORY AND
AFFECTING FACTORS*

Faridah Anum Abdul Wahid^{1*}, Abdul Halim Husain², Zahiah Haris³

¹ Fakulti Seni Kreatif, Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kuala Lumpur

Email: faridah_anum@ipgkik.edu.my

² Pusat Pengajian Pasca Siswazah, Akademi Seni Warisan Kebangsaan (ASWARA), Kuala Lumpur

Email: abdulhalim@aswara.edu.my

³ IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur

Email: zahiah@ipgkik.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 20.10.2021

Revised date: 30.10.2021

Accepted date: 09.11.2021

Published date: 05.12.2021

To cite this document:

Wahid, F. A. A., Husain, A. H., & Haris, Z. (2021). Elemen Kreativiti Dalam Pak-21: Teori Dan Faktor Mempengaruhinya. *International Journal of Creative Industries*, 3 (8), 13-36.

Abstract:

Kreativiti diakui sebagai antara elemen kemahiran yang penting dalam pembelajaran abad ke-21 tetapi sejauh mana kebolehsanaannya menarik pengkaji mengkaji faktor-faktor pendorong dan penghalang perlaksanaan elemen tersebut. Menggunakan penyelidikan berasaskan kajian ulasan sistematis (systematic review) adalah satu proses untuk mengenalpasti semua bukti yang boleh dipercayai mengenai masalah klinikal. Tujuan utama artikel ini adalah untuk memberikan penjelasan teori tentang faktor-faktor pembolehubah perkembangan kreativiti murid. Artikel ini akan menjelaskan pandangan yang berbeza mengenai faktor mempengaruhi perkembangan kreativiti murid berfokus kepada murid yang mempunyai masalah latar belakang sosio ekonomi yang rendah dan berisiko tercicir. Selain daripada itu, pendapat dari teori dan model kreativiti dianalisis bagi mendapatkan persamaan dan perbezaan pandangan tentang faktor-faktor penyumbang dan penghalang. Tujuannya supaya dapat analisis akan membantu pelbagai pihak untuk

DOI: 10.35631/IJCRI.38002.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



mencari alternatif dalam membantu masalah kreativiti dalam kalangan murid-murid tersebut. Berdasarkan tujuan kajian ini iaitu mengenalpasti faktor-faktor kreativiti murid-murid berdasarkan teori dan kajian literatur, pengkaji menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap teori dan model, literatur kajian dari tahun 2013 hingga 2021. Hasil kajian mendapat faktor individu, motivasi, persekitaran dan aktualisasi adalah pemboleh ubah utama yang membantu perkembangan kreativiti murid berlatar belakang sosio ekonomi rendah. Sejajar dengan analisis teori dan tinjauan literatur, kami mencadangkan penyelidikan masa hadapan dapat melengkapkan jurang kajian sebagai asas pengembangan kreatif jangka panjang serta kaedah bagaimana mengatasi faktor dominan yang boleh dikawal. Tinjauan literatur kami telah mengetengahkan beberapa tema dan pandangan yang kami harap akan berguna untuk kajian akan datang.

Kata Kunci:

Kreativiti, Pembelajaran Abad Ke-21, Kanak-Kanak Sosioekonomi Rendah, Kanak-Kanak Berisiko Tercicir

Abstract:

Creativity is acknowledged as one of the most important elements of skills in 21st-century learning but to which extent that it is possible to draw researchers to study the driving factors and barriers to the implementation of such elements. Using systematic review is a process of identifying all credible evidence of a clinical problem, the main objective of this article is to provide a theoretical justification of the variables of student creativity development. This article will explain the different aspects of factors affecting the development of student creativity focusing on students with low socioeconomic background problems and at risk of dropping out. In addition, opinions from creativity theories and models were analyzed to obtain similarities and differences of views on contributing and hindering factors. The purpose is that the findings of the analysis will help various parties to find alternatives in helping the problem of creativity among the students. Based on the purpose of this study is to identify the factors of creativity of students based on theory and literature review, researchers use content analysis methods on theory, model, the study literature from 2015 to 2021. The results of the study discovered that individual factors, motivation, environment, and actualization are key variables that aid the creative process of students from low socioeconomic backgrounds. In line with the theoretical framework model, we suggest that future research can complement the research gap as the basis for long-term creative development as well as methods of how to overcome controllable dominant factors. Our literature review has underlined a number of themes and insights that hopefully will be useful for future studies.

Keywords:

Creativity, 21st Century Learning (PAK21), Low Socioeconomic Children, Children at Risk of Dropping Out

Pengenalan

Pembentukan insan yang kreatif dan inovatif nadi utama yang menyumbang kepada pembangunan sebuah negara. Perkembangan pendidikan pada abad ke 21 memerlukan pelajar menguasai banyak kemahiran seperti pemikiran kritis, pemikiran kreatif, kolaborasi, komunikasi, nilai murni dan etika. Setiap pelajar dikurniakan corak pemikiran dan personaliti yang berbeza dari aspek kreativiti, sikap, nilai mahupun sosial. Perkara ini secara langsung mempengaruhi corak pembelajaran mereka, cara penerimaan terhadap pembelajaran dan gaya pembelajaran mereka di dalam kelas. Dalam artikel ini berfokuskan elemen kreativiti sangat ditekankan oleh KPM terkandung dalam Standard Asas PAK21 yang kelima. Apabila berlakunya proses kreativiti akan berlakulah penjanaan idea yang melibatkan penghasilan idea baru, produk baru berguna dan berkualiti (PAK21 KPM, ms 20). Kreativiti akan membantu dalam memperkembang potensi diri kerana sifatnya yang meluas melibatkan proses penyelesaian masalah sesuatu projek dan gaya berfikir seseorang. Daya kreativiti membantu seseorang berfikir secara luar kebiasaan dengan penciptaan baru, asli dan berguna.

Kreativiti seni penting untuk kanak-kanak sosioekonomi rendah, tiada tempat tinggal dan berpotensi tercicir? Menurut Jenna (2012), Teori yang menyokong seni untuk semua kanak-kanak sangat sesuai untuk pelajar yang berisiko dapat menggunakan kreativiti dalam penyelesaian masalah (Jenna Lee, 2012). Ini dikuatkan lagi kesedaran tentang kepentingan seni dalam komuniti kerana kajian lalu mendapat tahap kesejahteraan subjektif kanak-kanak miskin di Malaysia masih berada pada tahap sederhana. Kajian baru mendapat bahawa kanak-kanak yang melukis, melukis, bermain muzik, atau membaca lebih kerap merasa lebih baik tentang diri mereka sendiri (Tom Jacobs, 2019). Namun masalah yang timbul adalah dapatkan dari kajian Siti HajarAbu Bakar, Noralina Omar & Zaiton Azman (2017), menunjukkan tahap penyertaan sosial kanak-kanak dalam kajian ini terutama secara individu, di sekolah dan di dalam komuniti masih berada pada tahap yang sederhana.

Pembelajaran Abad ke-21 dalam Pendidikan di Malaysia

Pertumbuhan dan perkembangan yang sangat besar di alaf baru dan cabaran-cabaran dalam dunia pendidikan memaksa Malaysia seiring dengan negara maju yang lain. Bagi merealisasikan modenisasi pendidikan, pelbagai perubahan telah dirancang dan dilaksanakan. Bermula dari zaman pendidikan Inggeris hingga kepada Era Teknologi 4.0 membawa kreativiti kepada elemen yang penting kepada pelbagai bidang. Sehubungan dengan itu juga, seiring dengan pembangunan KPM telah melaksanakan pendidikan PAK21 yang bermula semenjak dari tahun 2014. Memandangkan kualiti dalam pendidikan menjadi isu global dan persaingan dunia, negara optimis iaitu mengharapkan hasil terbaik dan cenderung untuk mengambil pelbagai langkah dan demi memastikan kualiti pembelajaran negara menjamin masa depan generasi. Oleh yang demikian, pembentukan kurikulum dan pendekatan kokurikulum banyak ditekankan dengan konsep kerohanian, emosi, motivasi, intelek dan daya usaha fizikal yang mampu dicapai (YM Raja Abdullah dan Daud, 2018; Norain dan Wan Azlinda, 2017).

Rentetan sumbangan pembelajaran abad ke 21, negara optimis serta komited terhadap generasi yang akan dihasilkan sebagai label modal insan iaitu harta negara yang dinamik dan berpengetahuan dalam menangani isu dunia dan global secara inovatif sesuatu yang baharu. Dalam hal itu, peningkatan dalam kebolehpasaran modal insan akan mengukuhkan ekonomi negara dengan merapatkan jurang pendapatan dan mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan graduan, individu dan kelompok (Ainun, Zamri dan Wan Muna, 2017). Kesannya, Produktiviti ini akan terhasil dengan gabungan dan kombinasi pendidikan yang bersifat praktikal iaitu berbentuk aktiviti dan konseptual secara intervensi teknologi dalam memastikan kebolehpasaran modal insan meningkat.

Sehubungan dengan itu, kepentingan elemen kreativiti ini telah dijadikan satu agenda penting dalam pendidikan negara terutamanya ketika berlaku pandemik Covid 19 yang memaksa kaedah pengajaran berubah secara dristik daripada pengajaran pembelajaran dan pemudahcara (PdPc) kepada pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr). Keadaan ini begitu jelas menunjukkan perlunya tindakan kreatif semua pihak dalam menangani pelbagai situasi.

Elemen Kreativiti dalam Pembelajaran Abad ke-21

Sesuatu pembelajaran yang berkesan adalah apabila produk yang dihasilkan mencapai Standard Kurikulum pendidikan negara. Ini bermakna setiap pendidik perlu menerapkan keenam-enam elemen dalam PAK21 ini agar dapat memenuhi kompetensi diri setiap murid dan pelajar. Elemen-elemen standard asas ini adalah komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika (6C). Keenam-enam elemen ini yang wajib menjadi panduan kepada guru-guru dalam menghasilkan satu Kompetensi Pembelajaran dan Pengajaran Bermakna (KPPB) atau *New Pedagogy Deep Learning* (NPDL).

Dalam 6 elemen (6C) yang terdapat dalam PAK21 ini, elemen ke-5 iaitu kreativiti. Elemen kreativiti menjadi fokus dalam penulisan artikel ini (Rajah 1)

KOMPETENSI PEMBELAJARAN BERMAKNA 6C**Rajah 1: Elemen 6 C dalam PAK21**

Sumber: Laman Web Rasmi IPGM

Kemahiran Berfikir secara Kritis dan Kreatif (KBKK) telah bermula sejak tahun 1983 dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) manakala pada 1990an diteruskan dengan Kurikulum Bersepadu dan kini dikenali sebagai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi bermula 2013. Kementerian Pendidikan Malaysia juga menyatakan dalam teras kedua Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP, 2006-2010) iaitu keperluan kreativiti dapat melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif melalui perlaksanaan kurikulum (BPK, 2011) dan PPPM (2013-2025). Sementelahan itu, bagi memenuhi keperluan negara pada abad ke-2 dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP, 2010) kreativiti merupakan salah satu Elemen Merentas Kurikulum (EMK) yang memberi penekanan untuk membangunkan modal insan yang kreatif.

Sejajar dengan itu, KPM juga menyediakan Model Panduan Domain Kreativiti (2013-2025) dan Model Kreatif Terarah (Paul E Pisek, 1997) namun pengaplikasian Elemen Merentas Kurikulum (EMK) iaitu elemen kreativiti ini di dalam bilik darjah masih belum dilaksanakan sepenuhnya oleh guru-guru. Ini kerana tidak semua guru berkemahiran dalam mengaplikasikan elemen kreativiti. Kajian Altinkaynak, Aydos dan Akman (2012), menyebut pendidik harus memberi kebebasan kepada kanak-kanak bertindak sebagai pencungkil bakat kanak-kanak namun tidak ramai guru yang mempunyai kelulusan seni mengajar seni di peringkat rendah. Malah dalam menilai karya kreatif juga merupakan satu cabaran kepada mereka . Contohnya dalam mata pelajaran Pendidikan Seni., menilai sesuatu produk atau karya seni yang kreatif adalah bersifat subjektif. Pendidik yang kurang pendedahan dan ilmu mengukur kreativiti akan menilai berasaskan pandangan peribadi atau pihak yang melihat atau menilai, dan bukan semua guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran ini ini. Keadaan ini memberi kesan kepada anak-anak didiknya. Kaedah pengajaran perlu disesuaikan dengan keadaan semasa yang memerlukan kanak-kanak berfikir di luar kotak selari dengan tujuan pendidikan itu sendiri.


Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Kreativiti dan bidang seni berkaitan dengan budaya dan sosialisasi sesuatu negara. Sesebuah negara yang terkenal dengan seni adalah negara yang berbudaya dan mempunyai identiti. Malah pemilihan kerjaya berkaitan bidang seni menawarkan profesyen yang lumayan. Akibat pergerakan ekonomi negara dan global, persaingan dalam kerjaya menjadi isu yang sukar dikawal. Namun seseorang yang kreatif akan dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan mencipta kerjaya baru dan idea baru. Contohnya, profesyen sebagai artis, pereka, pelukis mampu memenuhi keperluan negara. Keadaan ini memberi bukti keperluan penerapan elemen kreativiti sinonim dengan Pembelajaran Abad ke 21 (Benade, 2015)

Dalam pembentukan sesebuah masyarakat, peranan seni tidak boleh diabaikan. Kegiatan seni dalam konteks seni lukis dan kraf bermatlamat melahirkan individu yang berbudaya, iaitu yang mengamalkan pertimbangan kesenian dan kesempurnaan dalam urusan hidup. Malah dapat mengenali, menghargai budaya, mencintai dan identiti bangsa. Oleh hal demikian, kaedah yang berkesan perlu difikirkan agar bidang seni perlu dijadikan teras kepada pembentukan masyarakat.


Seni Medium Berekspresi Dan Berkreativiti?

Relevankah Seni sebagai medium untuk berekspresi dan berkreativiti? Dalam zaman sains dan teknologi hari ini, ramai berpandangan bahawa seni tidak lagi relevan dengan masyarakat moden sekarang. Pada pandangan segelintir masyarakat, seni hanya boleh dihasilkan oleh orang-orang seni atau artis semata-mata (Seni Untuk Seni). Disebabkan oleh pandangan ini, masyarakat kita mengasingkan seni visual daripada kehidupan seharian mereka. Malah Pentaksiran Psikometrik (Ppsi) Murid Tahun enam mendapati skor yang sangat rendah dalam elemen visual ruang (Seni Visual) iaitu 40% manakala bagi murid Tingkatan Tiga iaitu 75%.



Rajah 2: Pentaksiran Psikometrik (Ppsi) Murid Tahun 6

Sumber: Standard Asas PAK21, KPM

**Rajah 3: Pentaksiran Psikometrik (Ppsi) Murid Tingkatan 3**

Sumber: Standard Asas PAK21, KPM

Pandangan negatif sesetengah ibu bapa terhadap bidang seni menganggap seni sebagai mata pelajaran sampingan. Ini adalah disebabkan oleh pemahaman cetek daripada sumber rujukan dan maklumat yang tidak tepat terhadap kepentingan bidang seni. Seni harus dilihat sebagai subjek yang mampu ‘mengubati’ permasalahan yang berlaku dalam jiwa manusia.

Adakah kreativiti kanak-kanak hanya berkembang untuk yang cemerlang akademik sahaja? Namun apa yang menarik minat pengkaji dan terpanggil untuk mengkaji elemen kreativiti ialah terdapat kajian yang menunjukkan bahawa pelajar dari latar belakang sosioekonomi yang kurang berasib baik dan cenderung mempunyai prestasi lebih buruk dalam akademik (APA, nd; Jol, 2010) menunjukkan tahap kreativiti yang sedikit lebih tinggi daripada pelajar yang berasal dari latar belakang yang lebih baik (Torrance, 1968; 1973; Rogers, 1968, Koultsanis, 1974). Ini memberikan mereka kelebihan sekiranya mata pelajaran kreatif seperti Pendidikan Seni lebih diutamakan dalam kurikulum. Dengan jurang demikian, membuka satu persoalan untuk menunjukkan bahawa kreativiti seni perlu dalam pendidikan terutamanya kepada murid yang dari latar belakang sosioekonomi yang kurang berasib baik.

Tujuan Artikel

Perkembangan kreativiti dikatakan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Artikel ini bertujuan untuk membincang dan memberikan penjelasan teori tentang faktor-faktor perkembangan kreativiti murid-murid. Artikel ini akan menjelaskan pandangan yang berbeza mengenai faktor dominan mempengaruhi perkembangan kreativiti murid berfokus kepada murid yang mempunyai masalah latar belakang sosio ekonomi yang rendah dan berisiko tercicir. Selain daripada itu, pendapat dari teori dan model kreativiti dianalisis bagi mendapatkan persamaan dan perbezaan pandangan tentang faktor-faktor penyumbang dan penghalang.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kajian ulasan sistematik (systematic review). Ulasan sistematik adalah satu proses untuk mengenalpasti semua bukti yang boleh dipercayai mengenai masalah klinikal. Ia biasanya melibatkan beberapa langkah: 1) memikirkan persoalan yang mampu dijawab, 2) mengenal pasti sumber data yang dicari, 3) merangka strategi carian yang jelas, 4) memilih tajuk, abstrak, dan manuskrip berdasarkan kriteria pemilihan yang jelas, dan 5) menganalisis data dalam format yang bersesuaian. Dalam kajian ulasan sistematik ini, fokus utama ialah untuk mendapatkan maklumat kajian mengenai kreativiti pelajar yang diterbitkan dalam jurnal carian elektronik iaitu Emerald Insight, ProQuest Dissertation & Theses, SAGE Campus dan Google Scholar. Pencarian jurnal tertumpu pada penerbitan tahun 2013 -2021 sahaja. Terdapat sebanyak 36 artikel yang dicari namun 17 sahaja yang digunakan menepati tajuk kajian yang dijalankan. Namun artikel yang lain digunakan untuk menyokong tajuk kajian yang dijalankan.

Kata kunci yang dicari ialah kreativiti, pembelajaran abad ke-21, kanak-kanak sosioekonomi rendah, kanak-kanak berisiko tercicir. Dapatan daripada kajian jurnal melalui artikel-artikel yang diperolehi dibahagikan mengikut tema. Tema yang pertama adalah analisis pandangan teori dan model kreativiti tentang faktor-faktor kreativiti. Daripada kajian artikel yang digunakan terdapat kekerapan kajian berkaitan dengan faktor pendorong kreatif mengikut Teori Maslow, Amabile dan Sternberg serta model KPM. Tema yang kedua ialah untuk menilai artikel-artikel mengikut tajuk kajian tentang faktor kreativiti. Topik-topik ini dikategorikan kepada tujuh iaitu: 1) faktor kreativiti dan keperluan individu, 2) kreativiti dan faktor persekitaran 3) kreativiti dan faktor motivasi 4) kreativiti dan faktor aktualisasi. Analisis bagi tema kedua ini dibuat untuk melihat pembolehubah kajian, tahun, pengarang dan juga jenis jurnal penerbitan. Tinjauan artikel juga mengenalpasti beberapa faktor penghalang kreativiti.

Sorotan Literatur

Teori dan Faktor Mempengaruhi Kreativiti Murid

Dalam bidang kreativiti terdapat banyak teori yang digunakan berdasarkan bidang-bidang kajian para penyelidik. Namun dalam kajian ini, teori yang digunakan adalah teori yang hanya berkaitan dengan skop dan tujuan penulisan artikel ini.

Jadual 1: Analisis Pandangan Teori dan Model Kreativiti Tentang Faktor-Faktor Kreativiti

TEORI	FAKTOR UTAMA	ITEM	TEMA
Teori Humanis Abraham Maslow (1943)	Keperluan Individu (FK1)	➤ Psikologikal ➤ Keselamatan	➤ INDIVIDU


		➤ Keperluan disayangi dan dipunyai,	
		➤ Keperluan harga diri,	
		➤ Keperluan kesempurnaan kendiri	
	Persekutaran (FK2)	➤ Ibubapa/guru/ Sekolah/kaedah	➤ PERSEKITARAN
	Motivasi	➤ Desakan dalaman.	➤ PERSEKITARAN
Teori Motivasi Amabile dan Sternberg (1983)	Motivasi (FK3)	➤ Intrinsik	➤ PERSEKITARAN
		➤ Ekstrinsik	➤ Toleransi
			➤ Sedia ambil risiko
Model Pembangunan kreativiti, KPM(MPK)	Faktor penghalang (FPK4)	➤ Persekitaran	➤ PERSEKITARAN
		➤ Perwatakan	➤ PERIBADI
		➤ Sosioekonomi	
		➤ Psikologikal	

Perkembangan kreativiti dikatakan dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Jadual 1 menjelaskan pandangan teori-teori yang berbeza mengenai faktor mempengaruhi perkembangan kreativiti murid berfokus kepada murid yang mempunyai masalah latar belakang sosio ekonomi yang rendah dan berisiko tercicir. Pendapat dari teori dan model kreativiti dianalisis bagi mendapatkan persamaan dan perbezaan pandangan tentang faktor-faktor penyumbang dan penghalang. Bagi membincangkan teori berkaitan penulisan artikel, penyelidik menggunakan teori yang berkaitan dengan tujuan penyelidikan. Terdapat tiga teori yang dikemukakan bagi objektif penulisan artikel ini iaitu mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong kreativiti merujuk Teori Humanistik Maslow (1943) dan Teori Motivasi Amabile-Sternberg (1983) dan Model KPM (2013).

Teori Humanis Abraham Maslow (1943) Sebagai Teori Yang Mendasari Faktor Kreativiti Kanak-kanak Sosioekonomi Rendah dan Berisiko Tercicir

Faktor Individu (Keperluan Asas)

Maslow memasukkan kreativiti pada tahap kelima keperluan asas manusia iaitu aktualisasi diri salah satu kontribusi yang sangat penting dari aliran humanistik.

**Rajah 4: Hierarki Keperluan Maslow**

Sumber: Jas Laile 2000

Setiap individu mempunyai keinginan memiliki potensi yang terbaik bagi dirinya. Seperti mencapai kehidupan bererti iaitu kesempurnaan kendiri dengan segala keperluan lima aras dipenuhi(Rajah 4). Dalam hal demikian, menurut Maslow seorang pelopor teori humanis setiap tahap hirarki keperluan sebelumnya perlu dipenuhi dahulu sebelum tingkat seterusnya dicapai. Namun, setiap individu mempunyai peluang mendapatkannya, peluang memilih dan peluang untuk berkembang dan memiliki keperluan tertinggi iaitu potensi diri atau keperluan aktualisasi. Teori Maslow ini juga menjelaskan iaitu faktor seperti keunikian, potensi individu, kanak-kanak yang aktif, bebas membantu dalam potensi kreatif dan berkebolehan untuk berkembang. Ini disokong dari kajian Rofidah Musa et.al (2019) dan Petrie J. A. C. van der Zandena et.al (2020) .

Dalam kajian Siti Masayu, Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat (2018) mendapati sosio-ekonomi mempengaruhi kreativiti murid. Dapatan berkaitan juga KPM mendapati faktor individu iaitu psikologikal, keselamatan, keperluan disayangi dan dipunyai, keperluan harga diri dan kesempurnaan kendiri mempengaruhi kreativiti kanak-kanak. Dapat dijelaskan Maslow optimis terhadap perkembangan individu ke arah memiliki kecenderungan untuk bergerak menuju aktualisasi diri. Oleh hal demikian, sekiranya kanak-kanak tersebut tidak mendapat keperluan asas maka potensi untuk kehidupan lebih baik akan sukar dicapai.

Jadual 2 : Kreativiti dan Keperluan Individu

Bilangan	Tajuk	Pengarang	Tahun	Faktor
1	Ekplorasi Seni Visual Melalui Aktiviti Lakaran Asas Terhadap Kanak-Kanak Prasekolah.	Rofidah Muhamad Ramli, Zainuddin Abindinhazir, Norkhaizatul Erma Mohd Khairuddin	2019	Keperluan harga diri.
2	Nurturing Creativity in Young Children: A Case Study of the Practice of Teaching for Creativity in an Islamic Kindergarten).	Safiek Mokhlis	2019	Keperluan disayangi dan dipunyai,
3	Eksplorasi lakaran bertema kenderaan serta kesan terhadap kreativiti kanak-kanak	Musa, R., Ramli, M., Mohd Khairuddin, N., & Abindinhazir, Z.	2019	Keperluan harga diri, Psikologikal Keselamatan.
4	Factors Involved in The Development of Adolescent Creativity A review study about creativity in adolescence: Where is the social context?	Petrie J. A. C. van der Zandena,*, Paulien C. Meijera, Ronald A. Beghetto	2020	Psikologikal, Keselamatan, Keperluan disayangi dan dipunyai, Keperluan harga diri, kesempurnaan kendiri.

Jadual 2 menganalisis empat jurnal yang berkaitan dengan kreativiti dan faktor keperluan individu. Antaranya dalam kajian kes di Jajahan Bachok, Kelantan, Siti Masayu Rosliah et all (2018) mendapati sosio-ekonomi mempengaruhi kreativiti murid. Begitu juga dapatkan Petrie et all (2020). KPM (2013) juga mendapati faktor individu iaitu psikologikal, keselamatan, keperluan disayangi dan dipunyai, keperluan harga diri dan kesempurnaan kendiri mempengaruhi kreativiti kanak-kanak. Dapat dijelaskan Maslow memandang manusia dengan optimis, memiliki kecenderungan untuk bergerak menuju aktualisasi diri. Oleh hal demikian, sekiranya kanak-kanak tersebut tidak mendapat keperluan asas maka potensi untuk kehidupan lebih baik akan sukar dicapai.

Teori Maslow, Taylor dan KPM dalam Kajian Terdahulu**Faktor Persekutaran**

Maksud persekitaran di sini termasuklah kawasan atau aspek fizikal alam sekitar, kedudukan, kemudahan, keluarga, iklim atau suasana di persekitaran. Perkembangan artistik kanak-kanak

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

banyak dipengaruhi oleh persekitaran dan suasana mereka dibesarkan (Amabile & Pratt, 2016). Persekitaran kondusif membantu dalam memperolehi pengalaman dan pemerhatian bermakna.

Jadual 3 : Kreativiti dan Faktor Persekitaran

Bilangan	Tajuk	Pengarang	Tahun	Faktor
1	Pemupukan kreativiti dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah.	Nor Azzatunnisak binti Mohd Khatib & Saemah Rahman	2015	Guru Sekolah Keluarga Kemudahan
2	Ekplorasi Seni Visual Melalui Aktiviti Lakaran Asas Terhadap Kanak-Kanak Prasekolah.	Rofidah Musa, Muhamad Firdaus Ramli, Zainuddin Abindinhazir, Norkhaizatul Erma Mohd Khairuddin	2019	Guru Kemudahan
3	Nurturing Creativity in Young Children: A Case Study of the Practice of Teaching for Creativity in an Islamic Kindergarten).	Safiek Mokhlis	2019	Guru
4	Eksplorasi lakaran bertema kenderaan serta kesan terhadap kreativiti kanak-kanak.	Musa, R., Ramli, M., Mohd Khairuddin, N., & Abindinhazir, Z. (2019)	2019	Sekolah
5	Factors Involved In The Development Of Adolescent Creativity A review study about creativity in adolescence: Where is the social context?	Petrie J. A. C. van der Zandena,*, Paulien C. Meijera, Ronald A. Beghetto	2020	Guru Sekolah Keluarga Kemudahan

Jadual 3 menganalisis lima jurnal yang berkaitan dengan kreativiti dan faktor keperluan individu. Kajian di atas dirujuk dari Teori Maslow, Taylor dan disokong oleh dapatan KPM. Menurut Rofidah Musa, et.al (2019), kanak-kanak di awal persekolahan akan rasa terasing apabila berada di sekolah. Ini kerana mereka belum biasa berjauhan dengan ibu bapa dan ahli keluarga. Persekitaran sekolah memainkan peranan penting membantu murid membiasakan diri dengan suasana baharu. Sehubungan dengan itu, individu yang rapat dengan mereka dengan mereka di sekolah adalah guru. Dapatan kajian di atas disokong oleh Petrie J. A. C. van der Zandena et. al (2019) iaitu persekitaran seperti guru, sekolah, keluarga dan kemudahan persekitaran membantu perkembangan kreativiti kanak-kanak. Selain dari itu, ibu bapa dan guru seharusnya membimbing kanak-kanak menimba pengalaman meneroka. Sehubungan dengan itu kreativiti akan muncul jika terdapat motivasi dan keperluan kanak-kanak dipenuhi

dengan sokongan keluarga dan persekitaran. Dapatan kajian mereka menyokong Teori Maslow.

Teori Motivasi Amabile (1983) Dalam Menggalakkan Kanak-Kanak Berkarya.

Faktor Motivasi

Dalam model asal iaitu Model Kreativiti Komponen Amabile mencadangkan bahawa tiga pemboleh ubah yang saling berkaitan adalah kunci kreativiti individu. Pertama adalah kemahiran yang berkaitan dengan domain, iaitu kemahiran dan bakat teknikal dan pengetahuan khusus. Proses yang berkaitan dengan kreativiti lebih luas, seperti bertoleransi dan bersedia mengambil risiko yang sewajarnya (Amabile, 1983, 1996; Amabile & Pratt, 2016). Seseorang kanak-kanak yang kreatif akan mudah menguasai domain jika terdapat faktor ransangan. Akhirnya, apabila kanak-kanak mendapat motivasi intrinsik, dia akan mengambil bahagian dalam aktiviti kerana ia menyenangkan atau bermakna.

Jadual 4 : Kreativiti dan Faktor Motivasi

Bilangan	Tajuk	Pengarang	Tahun	Faktor
1	Pemupukan Kreativiti Dalam Kalangan Pelajar Di Peringkat Sekolah	Nor Azzatunnisak binti Mohd Khatib & Saemah Rahman	2015	Intrinsik Ekstrinsik
2	Ekplorasi Seni Visual Melalui Aktiviti Lakaran Asas Terhadap Kanak-Kanak Prasekolah	Rofidah Musa, Muhamad Firdaus Ramli, Zainuddin Abindinhazir, Norkhaizatul Erma Mohd Khairuddin	2019	Intrinsik Ekstrinsik
3	Pemupukan kreativiti kanak-kanak: kajian kes amalan pengajaran kreativiti di sebuah tadika Islam.	Safiek Mokhlis	2019	Ekstrinsik
4	Factors Involved In The Development Of Adolescent Creativity A review study about creativity in adolescence: Where is the social context?	Petrie J. A. C. van der Zandena,* Paulien C. Meijera, Ronald A. Beghetto	2020	Intrinsik Ekstrinsik

Jadual 4 menganalisis empat jurnal yang berkaitan dengan kreativiti dan faktor motivasi. Terdapat juga berlaku motivasi ekstrinsik adalah ketika seseorang didorong oleh alasan luaran, seperti wang, nilai, atau pujian (Nor Azzatunnisak binti Mohd Khatib & Saemah Rahman, 2015). Selain kajian ini, terdapat juga kajian lain yang mendapat motivasi penting untuk perkembangan kreativiti terutama kanak-kanak dari sosioekonomi rendah kerana keterbatasan

peluang dihargai. Selain kajian Nor Azzatunnisak terdapat beberapa dapatan dari kajian lalu dalam jadual 4.

Jadual 5 : Kreativiti dan Faktor Aktualisasi

Bilangan	Tajuk	Pengarang	Tahun	Faktor
1	Pemupukan Kreativiti Dalam Kalangan Pelajar Di Sekolah Peringkat	Nor Azzatunnisak binti Mohd Khatib & Saemah Rahman	2015	bebas kreatif
2	Ekplorasi Seni Visual Melalui Aktiviti Lakaran Asas Terhadap Kanak-Kanak Prasekolah	Rofidah Musa, Muhamad Firdaus Ramli, Zainuddin Abindinhazir, Norkhaizatul Erma Mohd Khairuddin	2019	aktif, bebas' kreatif, berkebolehan untuk berkembang kebolehan ilmu pengetahuan
3	Nurturing Creativity in Young Children: A Case Study of the Practice of Teaching for Creativity in an Islamic Kindergarten)	Safiek Mokhlis	2019	bebas
4	Factors Involved In The Development Of Adolescent Creativity A review study about creativity in adolescence: Where is the social context?	Petrie J. A. C. van der Zandena,* Paulien C. Meijera, Ronald A. Beghetto	2020	potensi individu bebas

Jadual 5 menganalisis empat jurnal yang berkaitan dengan kreativiti dan faktor aktualisasi iaitu keinginan individu menggunakan keupayaannya untuk mencapai apa yang dikehendaki dan ingin (Dictionary.Cambridge.Org). Seseorang boleh menjadi kreatif apabila mempunyai aktualisasi diri yang menggerakkan mereka untuk menghasilkan, menyatakan, menyampaikan, menghasilkan. Mereka aktif, bebas, kreatif, berkebolehan untuk berkembang, kebolehan ilmu pengetahuan,,potensi individu dan bebas melahirkan ide dan potensi.

Faktor Penghalang Kreativiti

Beberapa teori dan model telah menyumbang kepada faktor yang mempengaruhi iaitu Teori Maslow, Teori Amabile dan MPK, KPM. Faktor utama yang digunakan adalah keperluan Individu dan persekitaran, aktualisasi dan motivasi dari Teori Maslow serta Teori Motivasi

Amabile. Manakala KPM mendapati empat faktor menyumbang utama ialah 3P 1S (Persekitaran, Perwatakan, Sosio ekonomi dan Psiologi)

Jadual 6 : Kreativiti dan Faktor Penghalang Kreativiti

Bilangan	Tajuk	Pengarang	Tahun	Faktor
1	Model Kreativiti KPM	KPM	2013	Persekitaran Perwatakan Sosioekonomi Psikologikal
2	Kemiskinan Keluarga Dan Pengaruhnya Terhadap Tahap Pendidikan Rendah Masyarakat Luar Bandar: Kajian Kes Di Jajahan Bachok, Kelantan	Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid & Narimah Samat	2018	Sosio-ekonomi
3	Eksplorasi lakaran bertema kenderaan serta kesan terhadap kreativiti kanak-kanak.	Musa, R., Ramli, M., Mohd Khairuddin, N., & Abindinhazir, Z	2019	Bertema
4	Ekplorasi Seni Visual Melalui Aktiviti Lakaran Asas Terhadap Kanak-Kanak Prasekolah	Rofidah Musa, Muhamad Firdaus Ramli, Zainuddin Abindinhazir, Norkhaizatul Erma Mohd Khairuddin	2019	Persekitaran (kurikulum dan peperiksaan)
5	Kreativiti Melalui Modul Bertema-Guru Menjana Atau Menghalang Perkembangan Kreativiti Kanak-Kanak?	Jaffri Hanafi	2020	Bertema


Jadual 6 menganalisis lima jurnal dan model KPM yang menjelaskan kreativiti dan faktor penghalang. Kajian dari jurnal terdahulu mendapati terdapat pengaruh persekitaran, perwatakan, latar belakang sosioekonomi dan lakaran bertema menjadi faktor dominan penghalang kreativiti kanak-kanak. Selain itu KPM mendapati faktor psikologikal juga menjadi sebab murid kurang kreatif. Oleh yang demikian, guru-guru hendaklah memastikan murid-murid bebas dari masalah dan bersedia menerima pelajarannya.

Definisi Istilah

Kreativiti dalam Kajian Seni Visual

Pada bahagian ini akan diperjelaskan secara umum perkataan ‘kreativiti’ yang diambil daripada perkataan “creare” yang bermaksud membuat. Torrance (1988), menjelaskan dalam kajiannya, sangat sukar atau mustahil untuk memberikan definisi yang tepat mengenai makna kreativiti ini. kerana ciri kreativiti itu sendiri tidak terbatas dan melibatkan setiap deria manusia termasuk deria dengar, deria lihat deria bau, deria rasa dan perasaan. Namun begitu kreativiti bermaksud kemampuan mencipta (Hassan,1997). Manakala Young (1999), menyatakan kreativiti diterjemahkan dari bahasa Greek “krainein” sebagai “memenuhi”.

Selain dari definisi umum kreativiti terdapat beberapa lagi konsep kreativiti beberapa tokoh kreativiti terkenal dan model kreativiti KPM.



Rajah 5: Konsep Kreativiti

Secara rumusannya, kreativiti dinyatakan sebagai kebolehan atau kemampuan menjana idea baru yang asli, menyelesaikan masalah bagi mencapai sesuatu objektif sehingga menghasilkan atau mencipta sesuatu yang bermutu dan mempunyai nilai kepenggunaan yang tinggi bagi memenuhi keperluan.

Kreativiti dalam kalangan kanak-kanak telah banyak dibincangkan dalam kajian-kajian. Kreativiti kanak-kanak memang semulajadi kreatif (Victor Lowenfeld, 1975). Disokong oleh Norsita Ali et.all (2015) menjelaskan dalam kajian, mereka percaya bahawa kanak-kanak mempunyai sifat semulajadi yang gemar meneroka, naluri ingin tahu menyebabkan karya yang mereka hasilkan adalah asli. Walaubagaimanapun berbeza dengan Ellis Paul Torrance (1972:191) dalam penyelidikannya mendapati latihan-latihan dan aktiviti yang melibatkan proses kreatif dapat menjana kreativiti kanak-kanak. Kajian Yahya dan Noor Suhana (2017)

menyokong pula dapatan E.P.Torrance. Kajian mereka telah membuktikan terdapat perbezaan tahap kreativiti setiap kanak-kanak bukan dilahirkan kreatif. Dalam hal sedemikian, kanak-kanak yang mempunyai bakat kreatif semulajadi adalah anugerah dan kebolehan yang boleh membantu pencapaian yang lebih baik manakala kreativiti boleh dipupuk melalui latihan dan aktiviti.

Kreativiti merupakan kebolehan kreatif seseorang yang membolehkan pencapaian yang lebih baik dalam pelbagai bidang dan sangat berguna kepada diri sendiri dan masyarakat sekeliling (Wan Zarina Wan Othman dan Ratna Laila Sahidin, 2017). Berkaitan dengan itu, kreativiti merupakan suatu kelebihan dan kebolehan seseorang dalam setiap bidang yang diceburi. Sementelahan insan yang dianugerahkan dengan kreativiti ialah insan yang diberikan kelebihan untuk mencari dan mencipta sesuatu yang unik.

Pembelajaran Abad Ke-21(PAK 21)

Keperluan menyediakan pendidikan yang setaraf berdasarkan keperluan generasi murid pada abad ke-21 sering dinyatakan oleh pakar pendidikan. Hal ini adalah kerana kemajuan dalam bidang teknologi dan penyebaran maklumat telah mengubah dasar pendidikan di Malaysia. Perkara ini menjelaskan bahawa kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang dipraktikkan oleh guru mestilah sejajar dengan perkembangan teknologi agar dapat memberi pendidikan yang diperlukan oleh generasi kini. Demi merealisasikan aspirasi Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21), guru perlulah mengaplikasikan elemen 6C dalam PdPc agar dapat melahirkan murid yang mampu bersaing di persada global.

Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dilaksanakan oleh KPM pada tahun 2014. Perlaksanaan PAK21 sebagai proses berpusatkan murid. Bagaimana PAK21 dapat digunakan kepada murid berisiko tercicir dan SSE? Elemen komunikasi yang terdapat dalam pembelajaran ini berfokus berlakunya interaksi guru dan murid serta murid dengan murid. Walaubagaimanapun tanpa peranan baik guru, kebekersanan komunikasi tidak akan berlaku. Sebagai contoh perbincangan akan menghasilkan proses kreatif dan penjanaan idea akan lebih bermakna di samping peranan guru sebagai pembimbing. Ini membantu murid berisiko tercicir dan SSE meningkatkan keyakinan dan memberikan pandangan.

Bagi elemen kolaboratif dalam PAK 21 merujuk kerjasama guru dan murid melibatkan pengolahan dan pertukaran idea serta pengetahuan antara murid. Suasana kelas yang kolaboratif membolehkan penerapan kreativiti dan nilai positif murid serta dapat mengeratkan hubungan dalam kalangan mereka. Penerimaan guru dengan keadaan sedia ada murid akan mengurangkan jurang interaksi. Pemikiran kritis pula berkesan apabila guru membebaskan murid kategori ini mencambangkan fikiran tanpa menyekat idea kreatif murid. Murid dilatih untuk berfikiran aras tinggi seperti mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta sesuatu. Guru pula berperanan sebagai penggalak agar murid dapat membahaskan idea tanpa rasa malu.

Kreativiti dalam PAK21, selain menghasilkan sesuatu produk yang unik di luar kotak pemikiran, guru boleh menggalakkan murid berhujah tentang idea dan memberi pandangan dan idea. Kebekersanan PAK21 akan dapat dilihat apabila menghasilkan murid yang boleh mengkritik idea dan memberi pandangan jauh dengan berkhemah. Kreativiti jika diterapkan bersama nilai murni dan etika akan membentuk sosialisasi dan jati diri yang tinggi. Pandangan tentang nilai dan dijadikan amalan memerlukan seseorang guru yang kreatif dan kritis mendidik murid. Oleh yang demikian PAK21 membantu murid SSE rendah dan berisiko tercicir ini bersedia ke alam pekerjaan malah menyediakan pendidikan di Malaysia setaraf dengan negara lain.

Di sini dikongsikan contoh bagaimana aplikasi kreativiti dalam kelas abad ke-21. Guru-guru menggunakan pengetahuan dan kemahiran elemen 6c dalam melatih murid-murid ini mengikut kebolehan. Penerapan elemen kreativiti dalam 6C tersebut melatih penjanaan idea, perolehan idea, penerokaan dan penghasilan idea yang kreatif. Input yang baik akan menghasilkan produk yang baik. Walaupun PAK21 berpusatkan murid tetapi peranan guru sebagai fasilitator diperlukan dalam menilai sesuatu produk dengan meneliti perbezaan, keunikan dan keaslian Elemen kreativiti dalam PAK21 melatih murid boleh menerang dan berhujah mempertahankan keistimewaan produk serta pelbagai idea dari rakan-rakan murid-murid akan melatih sikap berani mengambil risiko menerima kritikan dan berpandangan jauh. Melalui komen-komen praktikal, murid akan dapat membuat penambahbaikan terhadap produk ciptaan.

Istilah Sosioekonomi Rendah

Berikut adalah penjelasan tentang istilah dalam isu artikel ini. Istilah sosioekonomi rendah boleh dijelaskan sebagai kajian hubungan antara aktiviti ekonomi dan kehidupan sosial yang rendah. Menurut Max Weber (1984-1920) terdapat perbezaan golongan teras sosial dan ekonomi dari aspek bilangan isi keluarga, pendapatan dan pekerjaan ibu bapa serta aspirasi sesebuah keluarga yang dipanggil kelas sosial. Kelas sosioekonomi (SSE) tinggi dinilai sebagai status kerjaya yang hebat, bermotivasi, golongan elit dan mewah manakala SSE rendah dikaitkan dengan pelbagai kegagalan pelajaran, kemiskinan, kepapaan, pengasingan dari arus kemajuan dan ketinggalan dalam arus perdana kemajuan. Kedudukan SSE sedemikian turut mempengaruhi kanak-kanak yang secara langsung dan tidak langsung belajar daripada persekitaran fizikal, sosial dan iklim dalam dunia mereka dibesarkan. Kanak-kanak SSE rendah sering menjadi mangsa keadaan sehingga berterusan dalam lingkaran 'putaran ganas kemiskinan'. Mereka dilabelkan sebagai sering berputus asa dan sukar menerima kenyataan menyebabkan mereka sukar merancang masa depan.

Kanak-Kanak Berisiko Tercicir

Istilah kanak-kanak termaktub dalam Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan Akta Kanak-Kanak, 2001 sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Kanak-kanak atau Murid Berisiko Tercicir merujuk kepada kanak-kanak yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi menunjukkan kebarangkalian yang tinggi untuk keluar dari sistem sebelum

tamat tempoh pendidikan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, KPM). Jumlah kanak-kanak yang tercicir pada tahun 2016 dari sekolah rendah adalah 0.36 peratus dan sekolah menengah adalah 1.50 peratus. Dari analisis KPM mendapati sebanyak 2.0 peratus murid sekolah rendah dan sebanyak 4.3 peratus murid sekolah menengah menghadapi risiko cicir tahap tinggi. Walaupun pelbagai langkah telah dilaksanakan namun masih terdapat isu murid tercicir sehingga kini. Antara faktor penyebab adalah faktor murid seperti ponteng sekolah, tidak menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira), ketinggalan pelajaran, masalah disiplin yang berulang. Manakala aktor keluarga seperti pendapatan keluarga, taraf pendidikan ibu bapa/penjaga yang rendah dan perasarana yang tidak dapat disediakan oleh penjaga .

Kanak-kanak yang berhenti persekolahan di pertengahan juga boleh disebabkan oleh persekitaran keluarga yang tidak kondusif, adik beradik yang ramai, ibu bapa bertengkar, ibu bapa bercerai-berai, dan suasana kekeluargaan yang tidak stabil. Keadaan persekitaran membuatkan kanak-kanak berhenti persekolahan dipertengahan disebabkan oleh tekanan dan kurang perlindungan. Hal ini kerana pertengkaran ibu bapa kadang-kadang terlampias kepada anak-anak. Kanak-kanak ini akan menjadi mangsa penderaan, keganasan dan pengabaian. Secara psikologinya mereka memerlukan kasih sayang dan perhatian bukannya kecederaan kepada fizikal dan mental mereka. Kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan dan dari kelaurga yang bermasalah akan cenderung berhenti persekolahan dipertengahan dan mengikut rakan-rakan melakukan jenayah dan mengikuti gejala sosial seperti mencuri, menghidu gam, mengambil dadah dan sebagainya. (UNICEF Malaysia, 2019)

Berbanding dengan banyak jiran Asia Tenggara, pendidikan di Malaysia disediakan secara percuma dari peringkat rendah ke peringkat menengah. Yuran hanya akan dibayar pada peringkat pendidikan tinggi yang banyak disubsidi hampir 90% (UNICEF Malaysia, 2019). Berkaitan dengan itu , data menunjukkan pada tahun 2017 sejumlah 90.9% pelajar didaftarkan dalam beberapa bentuk pendidikan pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, masih ada kanak-kanak yang tidak mendaftar atau akhirnya berhenti dari sekolah. Pendidikan untuk Semua (EFA) menganggarkan terdapat kira-kira 100,000 kanak-kanak tidak di sekolah rendah dan 250,000 kanak-kanak lain tidak di sekolah menengah, atas pelbagai sebab.

Di samping itu, perlaksanaan “Education for All”, bermakna jurang pendidikan perlu diperkecilkan seperti memastikan semua murid mendapat pendidikan terbaik. Berikutnya dengan itu, perubahan dalam sistem pendidikan telah menyebabkan kerajaan perlu memastikan prestasi murid berisiko tercicir di sekolah meningkat kerana menangani isu ini penting supaya mereka tidak terus tercicir atau berpotensi untuk tercicir. Antara murid yang tercicir dalam pendidikan adalah murid yang mempunyai latar belakang sosioekonomi keluarga yang rendah. Contohnya, anak-anak komuniti jalanan di sekitar negara. Sekiranya dibiarkan akan mendatangkan pelbagai masalah kepada keluarga, masyarakat dan negara. Kegagalan mendapatkan keperluan asas kanak-kanak akan memberi kesan kepada pencapaian akademik, kesejahteraan emosi dan perkembangan JERISE kanak- kanak (Maslow, 1923). Keciciran akan menjelaskan perkembangan bakat dan potensi kanak-kanak.

Kanak-kanak yang berhenti dipertengahan persekolahan majoritinya adalah daripada keluarga yang mempunyai masalah kewangan dan menghadapi masalah dalam mata pelajaran. Mereka ini mempunyai prestasi yang lemah menyebabkan mereka menamatkan persekolahan lebih awal. Persepsi mereka membantu keluarga mencari sumber kewangan lebih menjadi keutamaan berbanding meneruskan persekolahan dengan pencapaian yang lemah. Perkara ini berlaku kerana mereka kurang bimbingan dan perhatian daripada ibu bapa yang sibuk dan tiada masa untuk memberi perhatian serta ibu bapa mereka kurang bercakap dengan mereka disebabkan kekangan masa.

Kepentingan Penerapan Kreativiti Kepada Kanak Sosioekonomi Rendah

Menurut Azman (2020), kanak-kanak dari sosioekonomi rendah dan berisiko tercicir sangat berpotensi besar khususnya dalam bidang-bidang yang berkaitan seni. Beliau berpendapat kanak-kanak ini mempunyai potensi yang unik dan tersendiri. Kanak-kanak yang kurang potensi dalam akademik perlu diberi peluang menyerlahkan potensi dalam bidang lain. Menurut beliau lagi desakan keadaan oleh faktor latar belakang mereka kemungkinan menjadikan mereka berdaya kreatif atau peranan sekolah dalam merancang aktiviti sekolah dengan merujuk teori-teori seperti Teori Maslow (1923), Amabile (1983), dan kajian-kajian terdahulu.

Sehubungan dengan itu, kajian oleh NorJjieta Julita Taisin (2018) semasa aktiviti melukis daya kreativiti kanak-kanak perlu diimbangkan dengan memberi kebebasan dalam mencurah dan melahirkan daya cipta. Ini disokong oleh Kajian Nafishah Md Noor, Abdul Halim Hussin PhD, Siti Hayati Mohd. Yusoff, PhD (2019) menunjukkan faktor persekitaran, tempat tinggal, individu yang rapat dengan mereka dan setiap perkara yang berada di sekeliling mereka mempengaruhi kreativiti.

Kreativiti menyumbang kepada pembentukan budaya: Tanpa kreativiti tidak akan ada seni, muzik, lukisan, seni bina, sastera atau produksi budaya lain. Kepentingan budaya dan kreativiti telah diakui oleh Wolbers (2018) yang sangat mempengaruhi kreativiti anak-anak kecil kerana kanak-kanak, pada tahun-tahun muda yang kritis, sangat aktif dan adaptif. Melalui budaya dan latar belakang mereka, anak-anak mempunyai rasa suka bermain dan ingin tahu untuk mencabar dan mencipta dunia mereka sendiri (*ibid.*). Sambil bermain mereka akan berkomunikasi, berkolaborasi, berfikir secara kritis dalam menyelesaikan masalah, mencipta perwatakan diri dan menanamkan sikap sayangkan negara. Ini akan memberi makna kepada mereka untuk menjadi warga yang berjaya dan berguna.

Terdapat teori yang mengaitkan kepada kreativiti dan domain kognitif seperti Torrance (1968). Menurut Karwowski, Kaufman, Lebuda et.al (2017) mengatakan sangat mustahil untuk menjadi kreatif dengan tahap kecerdasan yang rendah tetapi memerlukan tahap kognitif asas yang diperlukan untuk merumuskan idea. Walaubagaimanapun terdapat kajian yang menunjukkan pelajar dari latar belakang sosioekonomi yang kurang berasas baik, yang kurang cemerlang dalam akademik (APA, nd; Jol, 2010) menunjukkan tahap kreativiti yang sedikit

lebih tinggi daripada yang berasal dari latar belakang yang lebih baik (Torrance, 1968; 1973; Rogers, 1968, Koultsanis, 1974). Dapatan ini dapat memberikan kanak-kanak dari latar belakang sosio ekonomi yang rendah ini kelebihan sekiranya mata pelajaran kreatif seperti pendidikan seni lebih diutamakan dalam kurikulum. Kajian sedemikian menunjukkan bahawa peranan kreatif dapat digunakan oleh pendidikan secara umum.

Teori dan Faktor Kreativiti Kanak-kanak Sosioekonomi Rendah dalam Pembelajaran Abad ke 21

Hasil kajian Basyirah, Mohd Suhaimi dan Norul Huda menyokong faktor peribadi dan faktor aktualisasi. Dapatan kajian menemui faktor kreativiti yang paling dominan dalam kalangan kanak-kanak SSE rendah adalah latar belakang status ekonomi yang rendah, keluarga tidak berfungsi, tidak mempunyai sokongan daripada individu sebagai pelindung seperti ibu atau bapa, ahli keluarga, ahli masyarakat, sekolah dan agama yang merupakan asas utama dalam perkembangan kanak-kanak. Oleh yang demikian, bagi memenuhi keperluan asas kanak-kanak, ibu bapa, guru hendaklah menyediakan budaya persekitaran yang positif. (Maslow (1943), Taylor (1989), KPM (2013), Rofidah Musa et.al (2019), Safiek Mokhlis (2019), Petrie J. A. C. van der Zandena et.al (2020). Namun Ummu Aiman (2018) dalam kajian mengatakan jenis sekolah mempengaruhi personaliti kreatif. Selain itu faktor persekitaran seperti iklim sekolah mempunyai peranan dalam kreativiti kanak-kanak.

Dalam perlaksanaan pembelajaran mestilah menarik minat iaitu mempunyai motivasi intrinsik dan ekstrinsik dinyatakan dalam teori Amabile melalui kajian Safiek Mokhlis, Rofidah Musa et.al (2019), dan Petrie J. A. C. van der Zandena et.al (2020). Dalam teori Maslow juga ada menyebut tahap keperluan motivasi melalui ganjaran pertama iaitu tahap keperluan teratas iaitu pencapaian diri melalui ganjaran intrinsik seperti penghormatan, pujian, anugerah dan seumpamanya. Manakala berlakunya ganjaran intrinsik dan ekstrinsik akan memenuhi keperluan penghormatan kendiri sedangkan jika hanya ganjaran ekstrinsik melibatkan peringkat penghormatan sosial hingga fisiologi. Dengan demikian, amalan motivasi akan mempengaruhi peringkat keperluan rendah ke peringkat yang lebih tinggi.

Pembangunan kreativiti sangat diperlukan dan digalakkan melalui aktiviti berteraskan abad ke 21. Pendekatan kreativiti dan inovasi dilaksanakan dengan pengaruh digital ke dalam konsep pendidikan di Malaysia dan global akan dapat meningkatkan potensi idea yang logik, keluwesan, kejelasan, keaslian, (Maslow, 1943), Sameh Said-Metwaly et.al (2017). Kesedaran tentang kaedah pengajaran berkesan, adanya motivasi intrinsik dan ekstrinsik persekitaran kreatif iaitu persekitaran sekolah boleh membawa kepada masa depan kejayaan kelangsungan hidup, meningkatkan pencapaian dalam akademik dan dapat meneruskan pelajaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam model kurikulum multidimensi intervensi menunjukkan tahap pemikiran kreatif yang lebih tinggi daripada kanak-kanak yang menerima kaedah pengajaran konvensional. Ini menggambarkan bahawa kreativiti kanak-kanak dapat ditingkatkan dengan mendorong mereka untuk tidak hanya melihat subjek dari perspektif mereka sendiri, tetapi dengan membuat hubungan dengan sosial,

budaya, dan sejarah yang lebih luas. dengan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika.

Kesimpulan dan Cadangan

Amalan kreativiti dalam PAK21 perlu diperhalusi dan penambahbaikan dalam kehidupan terutamanya mereka yang mempunyai latar belakang sosioekonomi rendah dan berisiko tercicir bagi memastikan mereka menjadi modal insan yang holistik dan kompeten. Oleh itu, pendekatan pembelajaran abad ke-21 perlu ditekankan dengan baik dan terancang agar kanak-kanak mampu menguasai konsep kreatif, pemikiran kritis, kolaboratif dan komunikasi, secara teori dan praktikal. Pemahaman tentang kreativiti adalah wadah awalan yang menyuntik pelaksanaan pembelajaran abad ke-21 secara realistik dan membina pengalaman dan idea baru.). Sehubungan dengan ini, penulisan berdasarkan teori dan sorotan literatur ini, pengkaji mencadangkan penyelidikan masa hadapan dapat melengkapkan jurang kajian sebagai asas pengembangan kreatif jangka panjang serta kaedah bagaimana mengatasi faktor dominan yang boleh dikawal. Tinjauan literatur ini telah mengetengahkan beberapa tema dan pandangan yang kami harap akan berguna untuk kajian akan datang.

Rujukan

- Abdul Rashid, S.M.R., & Samat, N. (2019). Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap tahap pendidikan rendah masyarakat luar bandar: Kajian kes di jajahan bachok, kelantan. *Jurnal e Bangi*. Bangi, Malaysia: UKM Press
- Ali, N., Madon, Z., & Mahat, H. (2015). Kreativiti kanak-kanak prasekolah di empat buah kelas prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia di negeri Selangor dan hubungannya dengan amalan pengajaran guru. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 4, 50–63. Diakses daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/796>
- Amabile, T. M & Pratt, M. (2016). The dynamic componential model of creativity and innovation in organizations: Making progress, making meaning. *Research in Organizational Behavior*. doi:36. 10.1016/j.riob.2016.10.001.
- Amabile, T. M. (1996). Creativity in context: Update to "the social psychology of creativity. United State: Westview Press.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). (2011). *Buku panduan kreativiti, pembangunan dan amalan dalam pengajaran dan pembelajaran*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Benade, L. (2015). Teachers' critical reflective practice in the context of twenty-first-century learning. *Open Review of Educational Research*, 2(1), 42-54. doi: 10.1080/23265507.2014.998159
- Hanafi, J., Ramli, S., & Kahn, M.S. (2013). Kreativiti melalui modul bertema: Guru menjana atau menghalang perkembangan kreativiti kanak-Kanak?. *Jurnal Pengajian Melayu. JOMAS*. 24, 1. Malaysia : Universiti Malaya. Diakses daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9629/6792>

- Ibrahim, A.R., Mahamod, Z., & Wan Mohammad, W.M.R. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian bahasa melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88. Diakses daripada <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/152>
- Jabatan Perangkaan Negara (2019). *Statistik kanak-kanak Malaysia*. Laporan tahunan 2018. Putrajaya, Malaysia: Jabatan Perangkaan Negara.
- Karwowski, M., Kaufman, J., Lebuda, I., Grzegorz, S., & Firkowska-Mankiewicz, A. (2017). *Intelligence in childhood and creative achievements in middle-age: The necessary condition approach*. Intelligence Journal. doi: 64. 36-44. 10.1016/j.intell.2017.07.001.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2011). *Model Kreativiti*. Putrajaya, Malaysia : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*: Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah. Putrajaya, Malaysia : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah). Putrajaya, Malaysia : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lowenfeld, V., & Brittain, W.L. (1975). *Creative and mental growth*. (6 Eds.). New York, NY: MacMillan.
- Masri, R., Ahmad, A., & Abd Rani, R. (2018). Teori maslow dalam konteks memenuhi keperluan asas pekerja dan peranannya dalam meningkatkan prestasi organisasi: kajian dan perspektif islam (Maslow theory in the contexts of fulfilling basic needs and its role in rising organizational performances: study and islamic perspective). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 10(1), 1-27. Kuala Lumpur, Malaysia: UKM Press.
- Md Noor, N., Husain, A.H., & Mohd Yusoff, S. (2020). Ekspresi karya seni visual murid-murid di Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, Kuala Lumpur. *Jurnal IPDA*, 26(1), 78-91. Diakses daripada [//myjms.mohe.gov.my/index.php/ipda/article/view/8207](http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ipda/article/view/8207)
- Mert, ZG, Stolarick, K., Matheson, Z., and Segal, N. (2014). *Creative Turkey: Understanding the Creative Economy Potential in Turkey through Handicrafts*. Urban Transformation: Economic, Social And Physical Aspects Conference. National Academic Network and Information Center Cahit Arf Information Center. Turkey: Aperta. Retrieved from <https://aperta.ulakbim.gov.tr//record/63057>.
- Mohd Khatib, N.Z., & Rahman, S. (2013, May). *Pemupukan kreativiti dalam kalangan pelajar di peringkat sekolah*. Kertas Persidangan Malindo, Malindo, Yogyakarta.
- Mokhlis, S. (2019). Pemupukan kreativiti kanak-kanak: Kajian kes amalan pengajaran kreativiti di sebuah tadika Islam. *Malaysian Online Journal of Education*, 3(1), 34-48. Malaysia: Universiti Malaysia Terengganu.
- Musa, R., Ramli, M., Mohd, N. K., & Abindinhazir, Z. (2019). Eksplorasi lakaran bertema kenderaan serta kesan terhadap kreativiti kanak-kanak. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 7, 72-80. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Malaysia: UPSI Press. Diakses daripada <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2708>

- Musa, R., Ramli, M.F., Abindinhazir, Z, & Mohd. N.E. (2019). Ekplorasi seni visual melalui aktiviti lakaran asas terhadap kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9 (1), 35-47. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Malaysia: UPSI Press. doi:<https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.1.4.2020>
- Pisek, P.E. (1997). *Creativity, Innovation, and Quality*. Wisconsin, USA: ASQ Quality Press.
- Pusat Perkembangan Kurikulum (2016). *Pembelajaran Abad Ke-21*. Putrajaya, Malaysia : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Said, I. B. A., Rahman, M. N. A., & Nor, M. M. (2017). Analisis kandungan terhadap aktiviti seni bagi pendidikan awal kanak-kanak dalam jurnal terpilih dari tahun 2010-2016. JuKu: *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(1), 55-63. Malaysia: Universiti Malaya. Diakses daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUKU/article/view/8216/5687>
- Saleh, N. S., & Rosli, M. S. (2018). Kepentingan pembelajaran abad ke 21 terhadap potensi kebolehpasaran modal insan (The importance of 21st century learning on human capital market potential). *Innovative teaching and learning journal (ITLJ)*, 2(2), 71-81: Special Issue Bahasa Melayu – December. doi: <http://161.139.21.34/itlj/index.php/itlj/article/view/26>
- Sternberg, R. J. (2006). The nature of creativity. *Creativity Research Journal*. 18(1).
- Taisin, N. J. (2018). Aktiviti melukis meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 7, 19-29. doi: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol7.3.2018>
- Torrance, E. P. (1968). *Finding hidden talents among disadvantaged children*. Gifted Child Quarterly. Vol. 12, p 131. doi: 10.1177/001698626801200301
- UNICEF Malaysia (2019). Children out of school. The Sabah context. Putrajaya, Malaysia: United Nations Childrens' Fund.
- Van der Zanden, P., & Meijer, P., & Beghetto, R. (2020). A review study about creativity in adolescence: Where is the social context?. *Thinking Skills and Creativity*, 38. Amsterdam, London: Elsevier Limited. doi: 100702. 10.1016/j.tsc.2020.100702.
- Vidergor, H. E. (2018). Effectiveness of the multidimensional curriculum model in developing higher-order thinking skills in elementary and secondary students. *The curriculum journal*, 29(1), 95-115. doi: 10.1080/09585176.2017.1318771.
- Wan Othman, W.Z., & Sahidin, R.L. (2017). *Konsep Kreativiti*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Young, J.G. (1999). What is creativity? *Journal of Creative Behav*